

Malaysia mahu Laut China Selatan kekal stabil, percepat runding COC

Anwar tegaskan hubungan kukuh antara negara serantau kunci kemakmuran

Kuala Lumpur: Malaysia menegaskan kepentingan mengekalkan kestabilan di Laut China Selatan, selain memastikan pematuhan kepada undang-undang antarabangsa dan mempercepat rundingan mengenai Kod Tata Laku (COC).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu antara yang dibincangkan ketika sesi sarapan bersama rakan sejawatnya, Pham Minh Chinh awal pagi, semalam.

Beliau berkata, dalam isu Myanmar pula, Malaysia mendesak kemajuan yang nyata dan mampan dalam pelaksanaan

Konsensus Lima Perkara (5PC) bagi mengelakkan krisis itu daripada terus memburuk.

“Malaysia percaya bahawa hubungan yang kukuh antara negara serantau adalah kunci kepada kestabilan dan kemakmuran bersama.


“Kita tidak boleh sekadar melihat ke belakang, tetapi perlu melangkah ke hadapan dengan strategi perencananan jelas dan tindakan yang memberi dampak positif, yang nyata kepada rakyat serta ekonomi negara,” katanya dalam hantaran di Facebook.

Semarak kerjasama

Anwar berkata, Malaysia dan Vietnam berkongsi jaringan hubungan yang kukuh dengan lonjakan baharu melalui Perkongsian Strategik Komprehensif.

“Ia tidak sekadar perjanjian atas kertas, tetapi satu komitmen untuk menyemarakkan kerjasama dalam pelbagai sektor utama iaitu perdagangan, pelaburan, tenaga hijau, teknologi digital dan keselamatan serantau,” katanya.

BERNAMA



Anwar melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Republik Sosialis Vietnam, Jeneral Luong Cuong di Hanoi, Vietnam, semalam. (Foto Facebook Anwar Ibrahim)